

TEKS UCAPAN

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA
MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN PENERIMAAN JAWATAN
AHLI MAJLIS BARU MPSP 2015
18 JUN 2015 (KHAMIS), JAM 9:00 PAGI
DI DEWAN KENANGA, MPSP**

.....

Yang Berhormat **Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon**
Timbalan Ketua Menteri 1

Yang Berhormat **Tuan Prof Dr Ramasamy a/l Palanisamy**
Timbalan Ketua Menteri 2

Yang Berhormat **Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

Yang Berhormat **ADUN-ADUN Negeri Pulau Pinang**

Yang Dihormati Ahli Majlis,
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha **Tuan Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud**
Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan
Para Wakil Media
Para hadirin yang saya hormati sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini untuk Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis Baru iaitu Encik Mustafa Kamal bin Ahmad yang menggantikan tempat Allahyarhamah Puan Shafiqah Shobha binti Abdullah yang telah kembali ke Rahmatullah pada 28 April 2015. Allahyarhamah Puan Shafiqah Shobha binti Abdullah mula berkhidmat sebagai Ahli Majlis MPSP pada 1 Julai 2013 dan merupakan seorang Ahli Majlis yang berdedikasi terhadap tugas dan komited dengan tanggungjawab yang diberi. Disini, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih atas jasa beliau dalam meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP selama ini

Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pelantikan Encik Mustafa Kamal bin Ahmad adalah bagi tempoh dari 1 Jun 2015 sehingga 31 Disember 2015. Saya berharap tuan dapat bersama-sama dengan MPSP untuk merealisasikan Pelan

Strategi Lima Tahun MPSP (2014-2018) dan membantu pentadbiran MPSP mencapai perkhidmatan bertaraf antarabangsa sebagaimana yang diharapkan oleh Kerajaan Negeri dan penduduk Seberang Perai.

Sebagai makluman para hadirin sekalian, pada 13 Jun yang lalu MPSP telah mengadakan Program Dialog Bajet 2016 dan tahun ini merupakan tahun ke-4 ianya dianjurkan. Sambutan yang diterima sangat baik, seramai 180 orang telah hadir pada program tersebut berbanding 92 orang bagi sesi Dialog Bajet 2015. Penyertaan dalam kajian soal seldik juga telah meningkat dari 205 responden (tahun 2014), 198 responden (tahun 2015), 3312 responden (tahun 2016) Dialog Bajet 2016 merupakan platform untuk berinteraksi secara langsung dengan *stakeholders*. Hasil daripada dialog ini, sebanyak lapan fokus telah dicadangkan iaitu:

1. Meningkatkan Kebersihan
2. Meningkatkan keselamatan dan lalulintas
3. Infrastruktur dan kemudahan awam
4. Pengindahan dan Kehijauan
5. Meningkatkan Keperluan Gender
6. Kawalan Banjir

7. Penglibatan Komuniti (Pendidikan dan kesedaran perlu ditingkatkan)

8. Kearifan bandar rendah karbon (*Low Carbon City*)

Hasil dari Dialog Bajet 2016 akan menjadi panduan untuk penyediaan Bajet MPSP 2016 dan Fokus MPSP 2016.

Cabaran yang dihadapi oleh MPSP sekarang adalah untuk mengoptimumkan dan memberikan perkhidmatan yang cemerlang dengan kos pengurusan yang berpatutan. Cabaran ini akan dapat dicapai dengan kerjasama semua penduduk dan stakeholders Seberang Perai. MPSP sentiasa mencuba untuk mengurangkan penjejakan sisa pepejal dengan mempelbagaikan aktiviti bersama rakyat. Saya menyeru supaya kita semua bertekad untuk mengurangkan 5% setiap tahun *tonnage* kutipan sampah dengan mengurangkan pembuangan sampah dan meningkatkan kutipan kitar semula. Saya juga menyeru supaya penduduk membuang sampah di tempat yang disediakan dan jangan membuang sampah di lokasi haram (*Illegal Dumping*) walaupun Majlis telah mengurangkan lokasi sampah haram dari 135 (tahun 2013), 118 (tahun 2014), 72 (tahun 2015) tetapi pembuangan sampah haram masih lagi merupakan satu cabaran yang berat kepada MPSP

Pada kesempatan ini, saya bagi pihak semua kakitangan MPSP sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Encik Mustafa Kamal Bin Ahmad yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Tahun 2015 adalah merupakan tahun yang amat mencabar bagi MPSP. Kami akan bekerjasama dengan Ahli Majlis untuk memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada warga Seberang Perai dan seterusnya membawa Seberang Perai ke tahap antarabangsa.

Di sini saya juga ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada semua umat Islam yang mula berpuasa pada hari ini.

Dengan ini saya sudahi ucapan saya dengan Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.